## proses penyediaan RTJ Jeli

**Peringkat I**
Seksyen 12 A

- PUBLISITI AWAL
- MOBILISASI DAN ASAS RUJUKAN

**Mobilisasi**

**Peringkat II**
Seksyen 12 A

- LAPORAN AWAL
- LAPORAN PENEMUAN DAN STRATEGI PEMBANGUNAN
- LAPORAN DRAF RANCANGAN TEMPATAN

**Penyediaan Laporan**

**Peringkat III**
Seksyen 13

- PUBLISITI DRAF RANCANGAN TEMPATAN

***PERINGKAT SEKARANG***

**Peringkat IV**
Seksyen 14

- MESYUARAT PENYIASATAN DAN PENDENGARAN AWAM

**Peringkat V**
Seksyen 15

- PINDAAN DAN MEMUKTAMADKAN RANCANGAN TEMPATAN
- KELULUSAN DRAF RANCANGAN TEMPATAN
- PEWARTAAN RANCANGAN TEMPATAN

**Publisiti dan Pewartaan**

## APA PERANAN ANDA?

**Anda diberi peluang untuk melibatkan diri dalam perancangan kawasan anda !!!!!. Kemukakanlah maklumbalas anda untuk membantu kami merancang pembangunan untuk generasi masa depan.**




**DATANGLAH UNTUK MEMERIKSA DRAF RANCANGAN TEMPATAN JAJAHAN JELI SEPANJANG PROGRAM PUBLISITI DIADAKAN**

**Tarikh : 15 November -22 Disember 2011**
**Masa : Waktu Bekerja (tidak termasuk cuti am)**

**Bertempat :**

1. **Pejabat Majlis Daerah Jeli**
2. **Pejabat Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kelantan, Kota Darulnaim**

**MENGHADIRI MESYUARAT JAWATANKUASA SIASATAN TEMPATAN DAN PENDENGARAN AWAM**

Anda boleh mengemukakan cadangan atau bantahan secara lisan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran Awam. Untuk menghadiri mesyuarat tersebut anda dikehendaki mengisi Borang Maklumbalas Awam yang disediakan.

**MENGISI BORANG MAKLUMBALAS**

Mengisi cadangan dan bantahan anda di dalam Borang Maklumbalas Awam yang disediakan dan serahkan kepada pegawai pameran yang bertugas atau hantar borang tersebut ke alamat berikut selewat-lewatnya pada **29Disember 2011.**


Yang Dipertua
**Majlis Daerah Jeli**
Taman Persiaran Indah
17600 Jeli,
Kelantan
Tel : 09-9440023 Faks : 09-9440007
Email : mdjeli@kelantan.gov.my


## program publisiti & penyertaan awam

# DRAF RANCANGAN TEMPATAN JAJAHAN JELI

*Anjuran :*

**Majlis Daerah Jeli**

*Dengan Kerjasama :*

**Jabatan Perancangan Bandar & Desa Negeri Kelantan**

**Jabatan Perancangan Bandar & Desa Semenanjung Malaysia (Unit Rancangan Pembangunan Kota Bharu)**



**RISALAH**

# Draf Rancangan Tempatan Jajahan Jeli



## APA ITU RANCANGAN TEMPATAN JAJAHAN JELI ?

RTJ Jeli merupakan satu dokumen perancangan yang menyatakan semua cadangan pembangunan guna tanah dan fizikal secara terperinci mengikut lot-lot tanah bagi seluruh Jajahan Jeli.

## PERUNTUKAN PERUNDANGAN

Rancangan Tempatan Jajahan Jeli disediakan mengikut peruntukan di bawah Subseksyen 12 (1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

## LATAR BELAKANG KAWASAN RANCANGAN TEMPATAN JAJAHAN JELI

Jajahan Jeli merupakan jajahan yang mempunyai keluasan 129,680.86 hektar iaitu meliputi 8.58% daripada keluasan negeri Kelantan. Selain itu, Jajahan Jeli merupakan pintu masuk utama negeri Kelantan dari kawasan utara Semenanjung Malaysia melalui Jalan Raya Timur Barat di samping menjadi penghubung utama antara jajahan-jajahan lain di Kelantan.

## WAWASAN PEMBANGUNAN JAJAHAH JELI

**“Menjadikan Jajahan Jeli Sebagai Sebuah Bandar Sejahtera Dengan Pembangunan Institusi Pendidikan Yang Syumul Dan Berciri Jayadiri Dalam Menjana Aspek Ekonomi, Persekitaran Fizikal Yang Berkualiti Tinggi Tanpa Menjejaskan Kualiti Alam Sekitar Semulajadi.”**

## MATLAMAT PEMBANGUNAN JAJAHAN JELI

**“Untuk Membangunkan Jajahan Jeli Berpandukan Perancangan Gunatanah Yang Teratur Dan Mampan Selaras Dengan Fungsinya Sebagai Bandar Pendidikan Yang Syumul Dengan Menyediakan Kediaman Yang Selesa, Kemudahan Yang Mencukupi Dan Perkhidmatan Yang Berkualiti”**

## TERAS PEMBANGUNAN KAJIAN RANCANGAN TEMPATAN JAJAHAN JELI :




## OBJEKTIF PEMBANGUNAN

- ✓ **Menghasilkan pelan guna tanah yang mampan bagi merancang dan memandu pembangunan.**
- ✓ **Mengenalpasti kawasan perdagangan di pusat bandar yang perlu dibangunkan semula dan kawasan yang diberi pembaharuan.**
- ✓ **Menyediakan kawasan strategik untuk industri perkhidmatan.**
- ✓ **Menyediakan pelan pembangunan di kawasan-kawasan tumpuan pelancongan dari segi pengindahan dan penyediaan kemudahan.**
- ✓ **Menaik taraf sistem rangkaian perhubungan, terminal pengangkutan awam termasuklah menaik taraf sistem kemudahan jejantas dan pejalan kaki.**



## PELAN KONSEP & STRATEGI PEMBANGUNAN JAJAHAN JELI







*Fungsi Pusat –Pusat Petempatan di Jeli*

| PUSAT PETEMPATAN | FUNGSI |
|---|---|
| 1. Bandar Jeli | • Pusat Pentadbiran Jajahan<br>• Pusat Perkhidmatan dan Perdagangan Bertaraf Sederhana<br>• Pusat Institusi Pendidikan<br>• Pusat Perkhidmatan Pertanian<br>• Terminal Pengangkutan Bersepadu<br>• Pusat Perkhidmatan Pelancongan |
| 2. Ayer Lanas | •Pintu masuk/ keluar dari Tanah Merah/ Kota Bharu<br>•Pusat perdagangan dengan fungsi perkhidmatan terhad<br>•Pusat IKS |
| 3. Gemang | •Pusat perdagangan dengan fungsi perkhidmatan terhad<br>•Penawaran Barangan terhad<br>•Pusat Institusi Pendidikan<br>•Pusat Institusi Penyelidikan Berasaskan Pertanian |
| 4. Lubok Bongor | •Pusat perdagangan dengan fungsi perkhidmatan terhad<br>•Penawaran Barangan terhad<br>•Pusat institusi keselamatan |
| 5. Batu Melintang | •Pusat perdagangan dengan fungsi perkhidmatan terhad<br>•Penawaran Barangan terhad<br>•Pusat Transit kenderaan<br>•Pusat pengumpulan pemasaran hasil pertanian<br>•Pintu masuk/ keluar utama negeri dari utara Semenanjung Malaysia<br>•Pusat Institusi Keselamatan |
| 6. Kg. Tunku Abdul Rahman (Kuala Balah) | •Pusat perdagangan dengan fungsi perkhidmatan terhad<br>•Penawaran barangan terhad<br>•Pintu Masuk Air Terjun Stong<br>•Pintu Masuk/ Keluar Dari Dabong/ Gua Musang<br>•Pusat IKS |